

Terlalu kuat cemburui kekasih

Buah hati seorang ideal tetapi rasa curiga merosakkan hubungan

Soalan

SAYA risau dan kecewa dengan sikap keterlaluan terhadap kekasih. Dia baik malangnya saya pula kuat cemburu.

Selama ini, saya anggap senario itu sangat remeh, tetapi apabila mengalaminya, baru saya sedar keperitannya. Kekasih adalah bekas kekasih kepada rakan baik saya.

Semuanya bermula hanya sebagai rakan, namun akhirnya wujud perasaan sayang.

Saya menganggap kekasih adalah sangat ideal, namun sikap cemburu saya membuatkan dia tidak tahan.

Apatah lagi sikapnya membayangkan bagai dia masih mempunyai perasaan terhadap rakan baik saya. Kami sering bergaduh.

Saya juga sering terasa hati kerana kekasih tidak pernah meluahkan perasaan sayangnya pada saya sedangkan ketika bersama rakan baik, dia selalu memujuk rayu.

Kini kekasih bertindak mendiamkan diri. Saya sedih dan tertekan menyebabkan tumpuan pada pengajian terganggu.

Apa harus saya lakukan?

RASA BERSALAH
Pahang

Jawapan

DR faham perasaan adik yang kini resah dan sedih. Memang benar kata orang cinta mampu mengundang perasaan indah dan pada peringkat umur begini, sudah tentu mahu diri disayangi.

Adik sangat berani dan mempunyai kekuatan tersendiri kerana mahu mengaku kelemahan diri yang selalunya sukar dilakukan orang lain apatah lagi mengakui sikap buruk diri sendiri.

Bagaimanapun, ia tidak bagus dan adik perlu berusaha membuangnyanya biar pun biasa berlaku pada pas-



KASIH...cemburu yang keterlaluan boleh menggugat keutuhan cinta.

ngan bercinta.

Perasaan itu timbul kerana rasa curiga dan takut kehilangan orang tersayang selain ingin mengawal dan

mengongkong pasangan.

Adik perlu belajar bagaimana mahu mengawal perasaan kerana cemburu yang tidak terkawal boleh

menjejaskan hubungan, sekali gus mengganggu emosi seseorang. Jangan biarkan perasaan itu menguasai diri. Adik mungkin gellisah,

takut dan rendah diri apabila membayangkan tidak sebaik rakan baik yang pernah menjadi kekasih teman lelaki. Itu kisah lamanya dulu, tidak perlu diungkit.

Berusalah untuk memulihkan kembali hubungan meskipun sukar kerana perasaan orang lain tidak boleh dipaksa meskipun sudah berusaha memperbaiki keadaan.

Adik perlu menerimanya sebab kita tidak boleh memaksa seseorang menyukai atau menerima perasaan individu. Ada sebab mengapa kekasih adik mengambil tindakan itu.

Apa yang penting, adik perlu menerima dugaan ini dengan hati terbuka. Sudah pasti ada hikmah di sebaliknya. Mungkin adik boleh bermuhasabah diri.

Belajariah mengawal diri dan perasaan cemburu dan tidak akan mengulanginya lagi.

Pelajar kecewa rakan tidak hormati guru

Soalan

SAYA pelajar tingkatan lima dan tidak selesa dengan suasana dalam kelas walaupun belajar dalam kelas pandai.

Ini kerana ramai guru tidak suka pelajar kelas saya kerana rakan selalu membuat bising. Ini menyebabkan saya tidak dapat fokus dalam kelas.

Mereka juga tidak hormat guru hingga menyebabkannya rasa tersinggung dan kecil hati.

Saya bimbang jika guru itu tidak memaafkan segala kesalahan pelajarnya. Sudah lebih 10 kali guru mengalami perasaan itu.

Saya bimbang tidak dapat fokus dalam kelas. Tolonglah Dr kerana saya bakal mendeduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

ANTI BISING
Melaka

Jawapan

GURU yang baik akan sentiasa memaafkan kesilapan pelajar mereka. Justeru, walaupun guru sekolah adik berkecil hati dengan tingkah laku kawan kelas, mereka memaafkan kesalahan dan sentiasa mendoakan yang terbaik.

Sifat murni guru ialah melihat pelajar berjaya dalam kehidupan. Bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menghormati guru mereka.

Memang benar, memberi tumpuan dalam kelas amat penting. Adik boleh memberitahu kawan sekelas, mereka perlu memberi tumpuan pada pengajaran guru.

Jika tidak berani meny-

takan perkara ini kepada mereka, adik boleh gunakan orang tengah seperti guru disiplin atau pegawai bimbingan dan kaunseling sekolah untuk memberitahu kelas sebagai pelajar mereka bertanggungjawab untuk menghormati guru, memberi perhatian dalam kelas dan belajar.

Mengenai persiapan menjelang SPM, memang adik perlu serius untuk mengulang kaji pelajaran.

Masanya tidak lama lagi dan adik perlu tumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran. Adik boleh membaca dan mengulang kaji di sekolah dan di rumah. Jika di sekolah terlalu bising, adik buat di rumah atau perpustakaan. Semoga adik akan berjaya dalam peperiksaan SPM dan dapat meneruskan pengajian.



RIANG...hubungan mesra antara guru dan pelajar wujudkan suasana pembelajaran yang baik.